

BELIA

Belia dinamik laksana visi, imaginasi

BICARA

BH Berita Harian

Moderator: Dasar Belia Malaysia (DBM) menetapkan definisi belia adalah mereka yang berumur 15 hingga 30 tahun. Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menetapkan umur belia 15 hingga 24 tahun, Komanwel (15 hingga 29 tahun). Sebagai bekas Naib Ketua Pemuda, adakah umur yang kita cuba tetapkan pada 2018 cukup untuk mencerminkan belia di negara ini?

Razali: Terserah kepada kita apa yang hendak ditafsirkan mengenai usia belia, dulu hendak tetapkan 40 tahun pun susah. Malaysia adalah sebuah negara muda kerana 49 peratus rakyat kita berusia belia, berbanding negara lain. Contoh Hong Kong, memiliki jumlah belia yang kecil kerana definisi belia di negara itu berbeza. Sebenarnya ia tidak adil kerana petunjuk itu berbeza, tidak boleh membandingkan sebuah negara dengan negara lain.

Apabila membicarakan belia adalah cermin masa depan negara, jika cermin itu pecah, musnahlah negara, kelompok belia yang mana sebenarnya kita hendak tengok? Yang usia 15 tahun tidak banyak



Razali (tengah) bersama Timbalan Pengarang Kumpulan BH, Datuk Badrulhisham Othman bergambar ber-

Malaysia dihuni 49 peratus belia berusia 15 hingga 40 tahun, sekali gus menuntut perhatian serius kerajaan dan pihak berkepentingan menjayakan agenda pembangunan insan dan membentuk kepemimpinan berkualiti pada masa depan. Program Bicara BH bertajuk 'Belia Cermin Masa Depan Negara'

Masa Depan Negara: Retak Cermin, Musnah Negara' dengan kerjasama Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad Universiti Utara Malaysia (UUM) semalam mengupas peranan belia dalam pembangunan negara. Ahli panel ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim; Pengarah Institut Pengurusan Kualiti UUM, Prof Madya Dr Haim Hilman Abdullah dan Naib Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Jufitri Joha, manakala pengarah institut, Dr Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri bertindak selaku moderator. **Laporan disediakan oleh wartawan BH, Nazura Ngah.**

tingg usia 15 tahun tidak banyak masalah, sibuk buat PT3, saya tidak rasa belia ini menjadi masalah keretakan cermin. Belia berusia 40 tahun, ramai profesional, ramai yang sudah ada keluarga, hidup sudah stabil, malah menyumbang kepada pembinaan negara. Saya tidak mahu kata yang umur 20-an itu menjadi tumpuan kita kerana belia tetap satu jumlah yang agak besar.

Selagi persoalan ini tidak kita tangani, maka susah untuk kita meletakkan tanggungjawab kepada satu kumpulan belia yang keperluannya sangat spesifik, antara 15 hingga 40 tahun, keperluan tidak sama. Justeru, amat mustahak untuk kita melihat isu belia dalam konteks usia.

Waktu saya di Kementerian Belia dan Sukan, sukar mencari siapa yang boleh menjadi Ahli Parlimen Belia kerana usia mereka dihadkan kepada 30 tahun ke bawah. Katakan saya umur 30 tahun, saya tawarkan diri untuk menjadi Ahli Parlimen Belia, tetapi pada masa sama, saya juga dibenarkan berunding di Parlimen. Kalau Parlimen Belia itu menjadi satu platform persediaan, maka dia hendaklah memberi peluang kepada orang yang tidak boleh menjadi Ahli Parlimen. Kenapa 30 tahun masih hendak menjadi Ahli Parlimen Belia, walhal 30 tahun sudah boleh menjadi Ahli Parlimen?

Datuk Seri Najib Razak menjadi Ahli Parlimen paling muda dalam sejarah negara apabila memenangi

kerusi Parlimen Pekan pada usia 22 tahun. Ini antara perkara yang menjadi persoalan kita yang mana satu kita hendak. Kalau mahu bercakap mengenai warisan kepemimpinan, saya rasa tidak betul untuk meletakkan orang muda duduk di Parlimen Belia, walhal dia sudah patut duduk di Parlimen. Kalau mereka merasakan belum bersedia, mereka patut dipersiapkan kerana Datuk Seri Najib mampu buat. Ini antara cabaran yang kita perlu tangani terlebih dahulu sebelum kita cerita cermin yang mana kita hendak lihat bagi mengisi apa juga perancangan strategi kerajaan di masa akan datang.

Moderator: Kita pernah berjanji mahukan negara maju berdasarkan acuan sendiri. Persoalannya, acuan siapa yang hendak kita ikut dan adakah kita bersedia untuk menurunkan umur belia? Adakah umur 30 tahun, kita boleh memanggil individu itu matang dan dewasa?

Haim Hilman: Saya mahu mengimbau sejarah Napoleon Bonaparte yang ketika dia sedang ghairah menakluk dunia, dia panggil semua tentera dan ramai daripada tentera itu tidak pernah ke medan perang. Dia kata pada tenteranya, *I have full believe in you, you are the best army in Europe, we will conquer Europe*. Dengan kata lain, acuan itu harus datang

daripada kepemimpinan, kalau kita melihat belia hari ini, kalau negara tanya pada belia, bolehkah negara bergantung kepada kita untuk menjadi negara maju? Kemajuan bergantung kepada ilmu, komitmen, strategi dan juga pendekatan yang lunak untuk membawa satu ketumbukan yang kuat untuk menggerakkan seluruh agenda negara.

Napoleon membawa satu suntikan semangat dan ia menjadi acuan, jadi hari ini kita ingin memperkukuhkan supaya kepemimpinan negara, kementerian berkaitan dapat membina acuan yang kita inginkan daripada belia. Dari sudut umur ada 'pros and cons', saya serahkan pakar dalam bidang itu. Tetapi acuan yang harus belia kita gunakan adalah yang diolah dengan baik oleh negara dan kerajaan untuk membolehkan mereka ini menjadi kebanggaan bangsa dan negara.

Kita tidak mahu melihat belia menjadi satu kelompok yang hanya berada dalam satu kedudukan yang mengharap tetapi belum mampu memberi. Kalau 15 tahun, mereka boleh berharap, begitu juga kalau 24 tahun pun boleh diharapkan pekerjaan, tetapi kalau sudah 30 tahun atau 40 tahun, kita pasti mahukan kelompok ini menjadi kebanggaan.

Ada tiga perkara yang sepatutnya ada dalam diri seorang belia, pertamanya mesti mempunyai visi

untuk membayangkan diri hari ini dan masa depan, keduanya, kemampuan untuk berimajinasi menjadi kelompok dinamik dan ketiganya ialah harus melaksanakan visi dan imaginasi.

Acuannya harus bertunjangkan pendekatan jelas dari kerajaan dan sudah tentu tidak semestinya sempurna tetapi harus ada ciri-ciri yang jelas yang dapat melahirkan belia berkualiti. Saya lebih suka melihat kepada sumbangan di semua peringkat umur berbanding memberi tumpuan kepada had umur belia.

Moderator: Ada pemimpin belia yang berusia 60 tahun. Persoalannya, adakah wajar pemimpin belia berada dalam lingkungan umur 15 hingga 30 tahun atau kita perlu bersikap terbuka dalam hal ini asalkan pemimpin yang dilantik boleh memimpin?

Jufitri: Persoalan umur adalah isu yang sangat sensitif dalam kalangan MBM. Dalam dasar belia ada empat komponen utama, tetapi orang ramai tidak gemar membincangkan tiga komponen, orang akan bincang komponen pertama iaitu konsep had umur belia. Ada tiga konsep penting iaitu holistik, futuristik merentas generasi dan sebagainya tetapi perbincangan dan perdebatan paling hangat dalam kalangan belia dan pertikaan lidah antara kementerian

→ BELIA

Pemimpin perlu pupuk generasi pelapis berkualiti

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]



Kuala Lumpur: Pemimpin bertanggungjawab melahirkan lebih ramai pelapis daripada generasi muda sebagai kesinambungan agenda pembangunan dan pembinaan negara.

Jika gagal menunaikan tanggungjawab memupuk pelapis berkualiti, tamadun sesebuah bangsa dan negara itu boleh runtuh, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim.

Selain itu, kriteria untuk menjadi pemimpin yang baik bukan kerana memiliki pengikut yang ramai, sebaliknya kemampuan melahirkan lebih ramai pemimpin berkualiti pada masa akan datang.

“Tanpa kepemimpinan yang baik, belia akan terus menjadi golongan ‘fragile’ (rapuh) sehingga ada yang menggunakan jalan pintas semata-mata untuk menebus dosa silam dengan mengangkat senjata di Syria.

“Sedangkan masih banyak jalan lain yang boleh diikuti, termasuk menyoroti perjalanan dan pengalaman belia yang berjaya meng-

edah perundangan diamalkan di negara ini dalam usaha mencecutkan minat mengundi dalam pilihan raya,” katanya.

Parlimen Belia antara enam inisiatif untuk manfaat generasi muda yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada Mei 2011 ketika Himpunan Sejuta Belia sempena sambutan Hari Belia Negara 2011. Parlimen Mahasiswa turut dicetuskan pada tahun yang sama dengan Universiti Sains Malaysia (USM) selaku pelopor.

Salah tanggapan hak bersuara

Razali juga berkata kegagalan belia memanfaatkan platform sedia ada sehingga menyebabkan golongan itu mudah diheret ke jalan-jalan adalah disebabkan salah tanggapan mengenai hak rakyat untuk bersuara.

Namun, definisi hak bersuara sebenar bukan bermakna semua boleh bersuara secara individu, sebaliknya perlu ada perwakilan dalam menyuarakan pandangan

dan Belia Belia Malaysia adalah mengenai isu had umur.

ia adalah isu sensitif antara pemimpin belia dengan kementerian, pada asalnya saya bersetuju definisi umur di bawah 30 tahun tetapi selepas kita membuat kajian balik, kita dengar maklum balas akar umbi, dari segi kesediaan mereka, adakah kita boleh melaksanakannya secara terus?

Kalau kita sentuh mengenai acuan, saya membuat kajian selepas bertemu ramai cendekiawan Islam, kalau bercakap acuan Islam, antara alasan utama kita hadkan umur adalah mengikut standard antarabangsa, khususnya indeks Komanwel.

Pengalaman saya berjumpa dengan cendekiawan Islam seperti Sheikh Mustafa Al-Bugha dan terbaharu cendekiawan Islam dari Sudan, Prof Mohamed Ahmed Abdullah, termasuk kita lihat perbincangan ulama silam seperti Ibnu Jauzi, kebanyakannya meletakkan definisi umur kepada 40 tahun. Dalam al-Quran pun kita tengok dalam surah al-Ahqaf, kenapa doa bermula pada umur 40 tahun, ia ada signifikan.

Kalau ikut umur 25 tahun, belia baru keluar universiti, tiga tahun baru nak bertatih, maka usia 28 tahun mungkin baru hendak memimpin dan stabil. Kita kena kaji dari segi definisi. Kita setuju belia sehingga umur 30 tahun, tetapi pemimpin belia perlu dilanjutkan

had umurnya.

Kalau betul hendak melaksanakan had umur belia 15 hingga 30 tahun, kita memerlukan sedikit masa lagi dan untuk ia memerlukan ekosistem yang baik, kalau betul 30 tahun, maknanya pilihan raya umum akan datang, jika ikut nisbah umur belia kita perlukan sekurang-kurangnya 85 Ahli Parlimen dalam kalangan golongan belia. Kalau betul, maknanya semua pemimpin politik kena akur bahawa selepas ini kita mahu melihat 85 Ahli Parlimen adalah belia. Sekarang hanya 22 belia menjadi Ahli Parlimen, dua kawan kami sudah melepasi umur. Barisan Nasional (BN) ada enam dan pembangkang ada 16.

Baki 127 Ahli Parlimen perlu dalam kalangan "senior". Kita juga memerlukan sokongan sistem lain, terutama sistem pendidikan, kita kena lakukan anjakan, kanak-kanak usia lima tahun sudah perlu ke sekolah, maknanya usia 21 tahun sudah menamatkan pelajaran di universiti, barulah sembilan tahun itu mereka boleh aktif dalam pertubuhan belia. Jawatan senator pun kena turun lagi daripada 30 tahun. Kita ambil contoh Menteri Belia Emiriah Arab Bersatu berusia 22 tahun. Kalau betul mahu menurunkan had umur, kita perlukan masa dan sokongan sistem.



Untuk video
layari www.bharian.com.my



Ada tiga perkara yang sepatutnya ada dalam diri seorang belia, pertamanya mesti mempunyai visi untuk membayangkan diri hari ini dan masa depan, keduanya, kemampuan untuk berimajinasi menjadi kelompok dinamik dan ketiganya ialah harus melaksanakan visi dan imaginasi"

kegagalan," katanya.

Razali yang juga Ahli Parlimen Muar menegaskan Parlimen Belia dan Parlimen Mahasiswa berperanan sebagai platform terbaik mempromosikan sistem demokrasi negara termasuk kaedah pemilihan wakil rakyat dalam pilihan raya.

Beliau berkata, kedua-dua platform itu juga mengetengahkan isu dan permasalahan golongan muda, selain berupaya menarik minat generasi muda untuk menggunakan hak sebagai pengundi.

"Kita harap model Parlimen Belia, Parlimen Mahasiswa atau Parlimen Belia yang diwujudkan di peringkat negeri menjelaskan ka-

mereka.

Beliau turut menasihati belia supaya meneliti kandungan Rancangan Malaysia Ke-11 yang mengandungi banyak perkara yang menyumbang ke arah kecemerlangan negara.

"RMK-11 mengandungi perkara yang digubal untuk membawa negara dalam pusingan terakhir sebelum menuju 2020 dan perkara itu tidak dibicarakan oleh rakyat.

"Kepada orang muda, untuk menjadi relevan dan dipercayai, mereka perlu menjadi golongan berilmu dan 'trendsetter'," katanya.



Prof Madya
Dr Haim Hillman
Abdullah